

Sinar **Bisnes**



RIDZWAN BAKAR

AZAM
YUSOF

Potensi wakaf di Malaysia sebenarnya jauh lebih besar daripada yang sering dibayangkan. Dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar, instrumen ini bukan lagi sekadar amalan ibadah tradisional, sebaliknya mampu menjadi pemangkin pembangunan sosio-ekonomi ummah jika diurus secara strategik dan profesional. Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia, Dr Ridzwan Bakar menegaskan, pendekatan wakaf perlu melalui anjakan baharu dengan memperluas perannya ke sektor pendidikan, kesihatan, kebajikan dan pemerlaksanaan ekonomi. Pelbagai inisiatif seperti Waqf ETF, Wakaf Halal PKS dan Wakaf Amalah membuktikan wakaf kini berkembang sebagai mekanisme pembangunan mampan yang inklusif serta memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Lebih menarik, gabungan kekuatan wakaf dan takaful membuka dimensi baharu dalam ekosistem kewangan sosial Islam. Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Azam Yusof menjelaskan bahawa konsep takaful yang berteraskan tabamu' bukan sahaja melindungi individu malah menjadi talian hayat kepada mereka yang memerlukan, selari dengan peranan wakaf sebagai sumbangan berterusan. Sinergi ini bukan sekadar melengkapkan fungsi masing-masing, tetapi berpotensi mengubah cara masyarakat melihat perancangan kewangan dan kebajikan. Persoalannya, sejauh mana kolaborasi ini mampu mencipta impak lebih besar? Ikuti kupasan lanjut di halaman seterusnya.

>> Lihat muka 30 dan 31

KERJASAMA STRATEGIK **WAKAF, TAKAFUL**



Azam (kiri) bersama Ridwan melihat takaful dan wakaf berfungsi sebagai pemangkin impak sosial dari sudut kewangan khususnya dalam membantu masyarakat yang berdepan musibah dan ketidaktentuan hidup.

Pada Disember 2024 misalnya, YWM mencipta sejarah tersendiri dengan pelancaran Exchange Traded Fund bercirikan wakaf (Waqf ETF) pertama di dunia yang disenaraikan di Bursa Malaysia.”

- Dr Ridwan Bakar

Transformasi wakaf jadi agenda bangunan negara dan masyarakat

Oleh LIZA MOKHTAR

Perkasa ekonomi ummah

POTENSI wakaf di Malaysia begitu luas namun memerlukan kerjasama strategik semua pihak untuk memastikan manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan.

Dalam landskap ekonomi dan sosial yang semakin mencabar, wakaf dilihat bukan lagi sekadar amalan ibadah individu sebaliknya instrumen pembangunan ummah yang berupaya memberi impak jangka panjang sekiranya diurus secara sistematik dan profesional.

Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf perlu diperkukuh terutama dalam kalangan generasi muda dan sektor korporat.

Ramai masih menganggap wakaf hanya berkait dengan pembinaan masjid, surau atau tanah perkuburan. Persepsi ini menyebabkan potensi besar wakaf sebagai aset ekonomi dan sosial umat Islam tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Hakikatnya, wakaf boleh diperkembang merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, persekitaran, pemerikasaan ekonomi, kebajikan serta pembangunan sosioekonomi asalkan wujud kerjasama strategik antara kerajaan, institusi agama, sektor korporat dan masyarakat.

Dengan pemerikasaan sistem pengurusan serta peningkatan literasi awam tentang wakaf, instrumen ini mampu menjadi pemangkin pembangunan mampan dan pengukuhan ekonomi ummah secara berterusan bukan hanya bermusim tetapi sepanjang tahun.

Dalam konteks ini, Yayasan Waqaf

Malaysia (YWM) sebuah entiti wakaf yang ditubuhkan atas inisiatif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) memainkan peranan penting sebagai peneraju pembangunan wakaf di peringkat nasional.

Berkongsi aspirasi YWM bersama Sinar Harian, Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr Ridwan Bakar berkata, transformasi wakaf dalam tempoh dua tahun kebelakangan menyaksikan ia menjadi agenda ekonomi yang membangunkan negara dan masyarakat.

Menurut beliau, kewujudan wakaf sejak 1,400 tahun lalu perlu dihidupkan semula seiring peredaran waktu dan situasi semasa.

“Pada Disember 2024 misalnya, YWM mencipta sejarah tersendiri dengan pelancaran Exchange Traded Fund bercirikan wakaf (Waqf ETF) pertama di dunia yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

“Ia merupakan sebuah produk pelaburan dana unit amanah Islamik di mana YWM berperanan sebagai pengurus wakaf dan keuntungan yang diperolehi dikembalikan kepada masyarakat,” katanya.

Tambah Ridwan, dari sudut ekonomi, YWM antara lain menyediakan instrumen Wakaf Halal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di mana YWM menyalurkan bantuan kewangan tanpa faedah untuk mereka yang beminat meningkatkan kapasiti pengeluaran produk di samping meningkatkan pendapatan..

“Kita sediakan dana sekitar RM20,000

serta memantau perkembangan secara progresif bagi memastikan kejayaan pemiagaan dan terbukti ia membuah hasil memberangsangkan.

“Dalam kira-kira 30 penerima Wakaf Halal PKS fasa awal, seorang peniaga Cina menjadi orang pertama berjaya melangsaikan hutangnya dalam tempoh hanya dua tahun dan pemiagaannya juga berkembang maju malah kita turut bawa jenama pemiagaannya ke luar negara,” katanya.

Ujar beliau, tidak seperti zakat yang di-khaskan untuk orang Islam, wakaf boleh dimanfaatkan oleh orang Islam dan bukan Islam. Sehubungan itu, tidak timbul soal kaum sebaliknya wakaf ‘berkhidmat’ untuk semua lapisan masyarakat.

Satu lagi produk ekonomi di YWM adalah Wakaf Armalah yang berperanan membantu golongan ibu tunggal yang ingin memulakan pemiagaan kecil.

“Ibu tunggal yang layak akan diberi dana wakaf bagi memulakan pemiagaan namun paling penting mereka perlu membuktikan komitmen dalam memastikan pemiagaan berjaya.

Selain itu, di YWM juga terdapat produk wakaf yang menyediakan biasiswa kepada pelajar golongan asnaf / B40 untuk melanjutkan pengajian di IPTA.

Penerimaanya bukan sahaja orang Islam tetapi juga bukan Islam dan mereka yang layak akan menerima bantuan bagi melanjut-

kan pelajaran.

Terlibat dengan wakaf selama lebih 20 tahun, Ridwan berkata, bagi memperkasa pengurusan wakaf agar lebih terurus, telus dan memberi manfaat berterusan selari dengan keperluan semasa, kita perlu keluar dari kepompong tradisional dan melakukan anjakan paradigma baharu iaitu wakaf ekonomi.

“Justeru, kerjasama menyeluruh pelbagai pihak termasuk syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diperlukan bagi menggalas dan merealisasikan impian tersebut,” katanya.

Pada masa sama, Malaysia turut diiktiraf secara meluas sebagai antara negara yang memiliki sistem tadbir urus wakaf paling terurus dan maju di dunia.

Keupayaan ini menjadikan Malaysia rujukan kepada banyak negara termasuk di Asia Barat yang ingin menambah baik struktur dan pengurusan institusi wakaf mereka.

Dalam konteks itu, peranan YWM amat signifikan dalam memastikan tadbir urus wakaf dilaksanakan secara sistematik, telus dan berintegriti.

Struktur Lembaga Pemegang Amanah YWM merangkumi wakil Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), wakil kementerian serta wakil Majlis Agama Islam Negeri mencerminkan pendekatan pentadbiran yang inklusif dan berasaskan kepakaran pelbagai pihak.

Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap keputusan berkaitan pembangunan dan pengurusan wakaf tidak dibuat dari perspektif satu pihak semata-mata sebaliknya mengambil kira pertimbangan sosial, ekonomi dan keagamaan secara seimbang.

Hasilnya, model tadbir urus yang komprehensif ini bukan sahaja memperkukuh

keberkesanan pengurusan wakaf malah meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tahap ketelusan serta integriti institusi wakaf di negara ini.

Titik persamaan wakaf dan takaful

Berikutnya, dalam membincangkan peranan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosial dan ekonomi ummah, satu lagi komponen penting dalam ekosistem kewangan Islam yang tidak boleh dilupakan ialah takaful.

Walaupun kedua-duanya berbeza dari segi fungsi dan pendekatan, wakaf dan takaful sebenarnya berkongsi asas nilai yang sama iaitu semangat saling membantu serta tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan masyarakat.

Jika wakaf berperanan sebagai sumbang

an berkekalan untuk manfaat umum, takaful pula menyediakan perlindungan kewangan melalui konsep perkongsian risiko sesama peserta, sekaligus memperlihatkan bagaimana kedua-dua instrumen ini saling melengkapi dalam memperkukuh budaya kebajikan dan solidariti dalam masyarakat.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful (SLMT), Azam Yusof, beliau melihat persamaan signifikan antara takaful dan wakaf apabila kedua-duanya berfungsi sebagai pemangkin impak sosial dari sudut kewangan khususnya dalam membantu masyarakat yang berdepan musibah dan ketidakpastian hidup.

Jelas beliau, konsep takaful sering disalah tafsir sebagai instrumen yang merugikan sekiranya tiada tuntutan dibuat.

Hakikatnya, takaful berteraskan konsep tabarru' iaitu sumbangan ikhlas yang dikumpulkan dalam satu dana bersama untuk membantu peserta lain yang ditimpa ujian.

"Tahun lalu sahaja, kami membayar tuntutan berjumlah ratusan juta ringgit hasil sumbangan peserta.

"Ini membuktikan setiap caruman bukan sekadar perlindungan individu, tetapi menjadi talian hayat kepada keluarga yang kehilangan pencari nafkah, duji penyakit kritikal atau ditimpa kemalangan," katanya.

Ujar Azam Yusof, sekiranya seseorang peserta kekal sihat dan tidak membuat tuntutan, ia bukanlah satu kerugian sebaliknya ia adalah manifestasi kejayaan perlindungan serta bukti bahawa

sumbangan tersebut telah dimanfaatkan untuk membantu orang lain.

"Kalau sihat dan tidak membuat tuntutan, sebenarnya kita tidak rugi. Kita telah menyumbang kepada dana yang membantu mereka yang lebih memerlukan. Dalam konsep takaful, ada nilai kebajikan dan pahala kerana kita menolong orang yang terkena musibah," ujarnya.

Mengulas evolusi industri, Azam Yusof berkata, sejak diperkenalkan pada tahun 1984, tiga dekad pertama industri takaful lebih tertumpu kepada pendekatan jualan yang menekankan ia sebagai alternatif halal kepada insurans konvensional. Namun, landskap kini telah berubah.

Kesedaran masyarakat semakin matang, bukan sahaja dari sudut pematuhan syariah malah dari segi fungsi sosial dan perancangan legasi.

Konsep seperti badal haji dan perancangan hibah telah membuka ruang kepada integrasi elemen kebajikan dalam perancangan kewangan Islam.

Dalam konteks itu, Azam Yusof menekankan kepentingan membezakan secara jelas antara takaful dan wakaf agar masyarakat tidak keliru.

"Takaful adalah instrumen perlindungan kewangan untuk diri dan keluarga. Ia tertakluk kepada penamaan dan boleh menjadi subjek perbalahan atau perebutan harta sekiranya tidak dirancang dengan baik.

"Wakaf pula adalah perlindungan dunia akhirat. Apabila sebahagian polisi diwakafkan, ia menjadi amal jariah yang berterusan, ladang pahala yang terus mengalir walaupun selepas meninggal dunia," jelasnya.

Menurutnya, selepas kematian, manfaat

takaful lazimnya diagihkan kepada penama atau waris.

Namun elemen wakaf memastikan sebahagian daripada manfaat tersebut terus memberi impak kepada masyarakat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pembinaan masjid atau bantuan kebajikan menjadikannya satu bentuk legasi yang lebih lestari.

Sehubungan itu, SLMT melihat kolaborasi strategik dengan YWM sebagai langkah penting untuk memperkukuh ekosistem kewangan sosial Islam di negara ini.

Beliau mengakui bahawa kesedaran tentang wakaf masih banyak tertumpu kepada golongan berusia dan bersifat bermusim atau berasaskan acara tertentu.

"Kita perlu berkolaborasi untuk menghasilkan impak yang lebih besar. Buat baik juga perlu diberitahu supaya lebih ramai terinspirasi untuk bersedekah dan berwakaf.

"Jika kita mahu budaya memberi ini berkembang, mesejnya mesti disampaikan secara konsisten dan kreatif," katanya.

Tambahnya, sinergi antara pengendali takaful dan institusi wakaf bukan sekadar kerjasama korporat, tetapi usaha membina satu model kewangan Islam yang lebih komprehensif, menggabungkan perlindungan, perancangan legasi dan kebajikan sosial dalam satu ekosistem yang saling melengkapi.

Daripada melihat caruman sebagai komitmen semata-mata kepada memahami ia sebagai instrumen perlindungan diri yang membina legasi pahala dan impak sosial berpanjangan.

"Matlamat akhirnya bukan hanya untuk melindungi kehidupan hari ini tetapi membina kesinambungan kebaikan untuk generasi akan datang," katanya.

Azam berkata konsep takaful sering disalah tafsir sebagai instrumen yang merugikan sekiranya tiada tuntutan dibuat.

